

Headline **Belia perlu dalami ilmu kifayah**
 Date **26. Apr 2009** Language **MALAY**
 Media Title **Sinar Harian (Pahang)** Page No **19**
 Section **NEWS** Article Size **189** cm2
 Circulation **60000** Frequency **Daily**
 Readership **0** Color **Full Color**
 AdValue **1041.37**



Belia perlu dalami ilmu kifayah

PEKAN – Belia harus mendalami ilmu fardu kifayah bagi meningkatkan pengetahuan dalam agama Islam selain menjadi pelapis membantu masyarakat memerlukan.

Pengerusi Badan Khairat Kematian Tanah Putih (Berkat), Mejar (B) Zakaria Abdul Samad berkata, kursus pengurusan jenazah yang sering diadakan bertujuan untuk kongsi ilmu pengetahuan mengenai cara betul bagi melaksanakan salah satu fardu kifayah itu.

Menurutnya, fardu itu adalah wajib dilakukan sebuah komuniti Islam dan



● ZAKARIA ABDUL SAMAD

ia tidak perlu dilakukan setiap orang kerana, jika ia dilakukan segolongan daripada mereka, maka terlepas kewajipan terhadap lain.

“Semua lapisan masya-

rakat, terutama belia harus menghadiri kursus ini kerana ilmu yang disampaikan berbentuk menyeluruh bersama demonstrasi cara menyempurnakan jenazah mengikut tuntutan agama.

“Ilmu ini penting kerana kewajipan membantu saudara sesama Islam terletak di bahu kita dan mereka menguruskan jenazah kini banyak terdiri daripada golongan tua,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Beliau berkata, peserta turut didedahkan dengan kaedah menguruskan jenazah HIV/Aids yang agak sukar dilakukan bagi meng-

elak sebarang kecuaiian yang boleh mendatangkan mudarat kepada orang lain.

pengurusan jenazah

“Cara pengurusan betul boleh bantu menghakis perasaan bimbang untuk menyempurnakan jenazah HIV yang rata-rata masyarakat tidak mahu mendekatinya.

“Belia perlu diberi pendedahan yang lebih luas mengenai tuntutan agama ini di samping memahami dengan jelas cara me-

ngendalikan jenazah yang bermasalah dan sukar untuk diuruskan,” katanya.

Zakaria berkata, belia yang hadir akan memperoleh ilmu mengenai kewajipan yang perlu ditunaikan umat Islam secara amnya dan menunjukkan cara betul menguruskan jenazah biasa mengikut adab serta keperluan yang dituntut agama.

“Saya berharap lebih ramai golongan muda menyertai kursus jenazah yang dianjurkan di kawasan masing-masing, selain menerima manfaat berguna dalam mengukuhkan keimanan di jiwa mereka,” katanya.